



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 23 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAQIS RAMPAS 98,400 KILOGRAM MAKANAN HAIWAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH-22	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	MAQIS SEIZE CORN GLUTEN MEAL WORTH RM290,000, NEWS IN BRIEF, NST-12	
3.	MAQIS SEIZE CORN GLUTEN MEAL WORTH OVER RM290,000 FROM SOUTH KOREA, ONLINE-THE MALATYSIAN RESERVE	
4.	MAQIS RAMPAS MAKANAN TAMBAHAN HAIWAN 98,400 KILOGRAM	
5.	FAMA SUMBANG BUAH-BUAHAN UNTUK 32 EKOR GAJAH	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	YOUNG FARMERS SEE HARD WORK BEAR FRUIT, VIEWS, THE STAR-11	LAIN -LAIN
7.	TERNAKAN KUPANG KORMERSIAL TARIKAN BAHARU PD, GAYA TANI, UM-20&21	
8.	NELAYAN TALI BARUT, MUKA DEPAN, HARIAN METRO-1	
9.	TALI BARUT SELUDUP PATI, LOKAL, HM-2	
10.	AMARAN BUAT NELAYAN LANGKAWI, NASIONAL, SH-1	
11.	TUNGGU MASA SELUDUP ROHINGYA, NEGARA, KOSMO-8	
12.	APNM TAHAN NELAYAN GUNA BUBU NAGA, LOKAL, HARIAN METRO-17	
13.	PENTERNAK CADANG IBADAH KORBAN DI LADANG, ONLINE- UM	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.06.2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	22

Maqis rampas 98,400 kilogram makanan haiwan



Maqis Selangor merampas 98,400kg makanan gluten jagung dari Korea di Pelabuhan Klang pada Ahad.

PELABUHAN KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 98,400 kilogram (kg) makanan gluten jagung dari Korea di Pelabuhan Klang Utara di sini pada Ahad.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh pegawai penguat kuasanya pada jam 12 tengah hari mendapati makanan sampingan haiwan itu gagal dikemukakan permit import Maqis yang sah.

"Seberat 98,400 kilogram makanan gluten jagung yang dianggarkan bernilai RM291,000 dirampas.

"Dipercayai makanan sampingan untuk haiwan ini digunakan untuk industri ternakan di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, perbuatan

mengimport apa juga jenis keluaran pertanian tanpa permit import yang sah daripada Maqis adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Zamri memberitahu jika sabit kesalahan, mereka yang melakukan kesalahan itu boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Tegas beliau, pihaknya komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus diperkasakan lagi di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

Maqis seizes corn gluten meal worth RM290,000

SHAH ALAM: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 98,400kg of corn gluten meal from South Korea worth RM291,364.14 on Sunday. Selangor Maqis director Zamri Hashim said the seizure was made following an inspection at Northport in Port Klang. "The corn gluten meal was brought into the country without a valid import permit." He said the case was being investigated under Section 11(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 and punishable under Section 11(3) of the same act.

Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.06.2021	THE MALAYSIAN RESERVE	ONLINE	-

MAQIS SEIZES CORN GLUTEN MEAL WORTH OVER RM290,000 FROM SOUTH KOREA



SHAH ALAM – The Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) seized 98,400 kg of corn gluten meal from South Korea worth RM291,364.14 on Sunday.

Selangor Maqis director Zamri Hashim said the seizure was made following an inspection at Northport, Port Klang at noon.

“The corn gluten meal was brought into the country without valid import permit,” he said in a statement today.

He said the case is being investigated under Section 11(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 and punishable under Section 11(3) of the same act.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.06.2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

MAQIS RAMPAS MAKANAN TAMBAHAN HAIWAN 98,400 KILOGRAM



PELABUHAN KLANG: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas makanan tambahan untuk haiwan, Corn Gluten Meal seberat 98,400 kilogram yang dianggarkan bernilai RM291,364.14 di Pelabuhan Klang Utara, di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Zamri Hashim berkata, produk makanan haiwan dari Korea tersebut dirampas selepas syarikat tersebut gagal mengemukakan Permit Import Maqis yang sah kepada pegawai penguat kuasa bertugas.

“Penahanan Corn Gluten Meal tersebut adalah hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh pegawai penguat kuasa Maqis.

“Kesemua barang dagangan ditahan untuk siasatan lanjut,”katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Zamri berkata, makanan tambahan haiwan tersebut adalah untuk makanan ternakan bagi pasaran tempatan. Katanya lagi, kesalahan tersebut adalah kali kedua dilakukan oleh syarikat yang sama tahun ini.

“Perbuatan mengimport apa juga jenis keluaran pertanian tanpa permit import yang sah daripada Maqis adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

“Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali,” katanya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.06.2021	KOSMO	ONLINE	-

FAMA PAHANG SUMBANG BUAH-BUAHAN UNTUK 32 EKOR GAJAH



TEMERLOH – Sebanyak 4.5 tan buah-buahan pelbagai jenis disumbangkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang untuk makanan gajah di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah di Lanchang dekat sini.

Pengarah FAMA Pahang, Noh Nik Wan berkata, sumbangan berupa pisang, labu manis, nanas dan keledak itu adalah untuk makanan 32 ekor gajah yang ditempatkan di pusat konservasi gajah yang menjadi antara destinasi pelancongan terkenal itu.

“Program tanggungjawab sosial korporat yang diadakan ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada penerima sumbangan tetapi dapat membantu mengelak berlakunya lambakan hasil pertanian apabila pekebun tidak dapat memasarkan keluaran mereka.

“Dalam keadaan negara sedang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, kita turut dapat membantu komuniti yang terkesan,”katanya selepas menyampaikan sumbangan buah-buahan di PKGK Kuala Gandah di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd Zamzuri Chik Wan Ab. Rahman; Pengurus Pusat Khidmat Pemasaran FAMA Kuantan, Faris Abdullah dan Ketua Komunikasi Korporat FAMA Pahang, Rosli Zakaria.

Menurut Noh, pada minggu lalu pihaknya telah menyumbangkan dua tan buah-buahan kepada pusat berkenaan manakala 2.5 tan disumbangkan semalam.

Katanya, sumbangan itu diharap dapat meringankan beban perbelanjaan menyediakan makanan kepada 32 ekor gajah khususnya ketika pusat pelancongan itu ditutup sementara berikutan PKP 3.0.

Sementara itu Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd Zamzuri Chik Wan Ab Rahman berkata, pihaknya memperuntukan sebanyak RM1 juta setahun bagi menyediakan makanan untuk 32 ekor gajah yang terdapat di PKGK Kuala Gandah.

“Saya mengalu-alukan mana-mana pihak yang sudi membantu menyediakan buah-buahan untuk makanan gajah,”ujarnya.-K!ONLINE

Young farmers see hard work bear fruit

A SMALL chilli farm started by five graduates in Tapah has proven successful and has attracted wholesale buyers, including the Federal Agricultural Marketing Authority, *Makkal Osai* reported.

The friends from Kampung Tapah said they started the farm on an empty housing lot after they were laid off or had to work from home.

Ravin Kumar Sandanasamy, who has an accounting degree, Sugendran Sivaraja, an electrical engineer, and Tamilarasan Paramjothi, who has a degree in business, used their expertise to grow 300kg of chilli in just 105 days.

With Puvis Balasingam and Murali Ramachandran completing the team, they started the Fresh Chilli Village Tapah company and began distributing their produce to the local Tapah market, Langkap, Teluk Intan and, most recently, Kuala Lumpur.

> An army officer in Tamil Nadu, India, was arrested after he bit off a policeman's nose, *Makkal Osai* reported.

Navaneethakrishnan, 37, who had a misunderstanding with his neighbour, got into a spat with him on Saturday after getting drunk.

When two local policemen went over to check up on the row in the area in Madurai, the belligerent soldier became violent and bit off one of the policemen's nose.



MOHD. HAIREL MOHD. RASHID dibantu oleh bapanya, **RASHID ARIFIN** mengusahakan penternakan kupang di Teluk Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Ternakan kupang komersial tarikan baharu PD



Saya mahu potensi kupang diluaskan lagi termasuk menjadikannya sebagai salah satu produk pelancongan baharu di daerah ini."

HAIREL MOHD. RASHID

Oleh **ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI**
utusannews@mediamula.com.my

KUPANG adalah sejenis siput (*mollusk*) yang mempunyai bentuk bulat dan bujur tirus di bahagian hujung kulitnya.

Ia sama seperti kerang, remis, siput sedut dan pelbagai haiwan bercengkerang lain yang banyak terdapat di kawasan perairan di negara ini.

Bagaimanapun, kehadiran kupang di Pasir Panjang, Port Dickson merupakan sesuatu yang baharu dan bakal menjadi tarikan baharu pelancong di daerah Port Dickson tidak lama lagi.

Kupang Pasir Panjang yang ditenak secara komersial mula mendapat permintaan tinggi terutama dalam kalangan penggemar makanan laut.

Di Pasir Panjang iaitu di sekitar Sungai Paya sehingga Pulau Perjudi, kupang yang

ditenak kulitnya berwarna hijau gelap (hijau lumut) dan berjalur hijau muda di bahagian tepi.

Penternaknya, **Mohd. Hairel Mohd. Rashid**, 29, berkata, dia bekerja sebagai pengendali bot sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan tahun lalu.

Katanya, ketiadaan pelancong akibat sempadan negara ditutup menyebabkan dia terpaksa berhenti daripada kerjanya itu.

Tidak berdiam diri, dia kemudian mempelajari peternakan kupang daripada seorang jiran dan akhirnya penternakannya itu kini menjadi sumber pendapatan utamanya.

"Saya menernak kupang sebagai menambah mata pencarian. Saya mahu potensi kupang diluaskan lagi termasuk menjadikannya sebagai salah satu produk pelancongan baharu di daerah ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Jelasnya, dia telah mula memacak kayu bagi menernak kupang sejak pandemik Covid-19 mula melanda negara ini dan mengambil masa selama sembilan bulan untuk mendapatkan hasilnya.

"Bayangkan saya bermula pada bulan Februari dan mendapat hasil pada bulan November tahun lalu.

"Jika diikutkan kupang ini hanya boleh dituai sebanyak enam kali sahaja mengikut iaitu ikut air surut besar sahaja," katanya.

Bellau dibantu oleh ayahnya yang juga seorang nelayan, **Mohd. Rashid Ariffin** untuk menjaga kawasan penternakan kupang tersebut.

Menurut **Mohd. Hairel**, penternakan kupang memerlukan kawasan perairan yang tidak mempunyai arus yang deras, tiada laluan kapal besar, air laut yang bersih daripada pencemaran sampah dan tidak tercemar dengan tumpahan minyak.

MOHD. HAIREL MOHD. RASHID menunjukkan kupang yang ditenak secara komersial di Teluk Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson. -UTUSAN/ ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI.



ZAMRI Mohd. Esa (kanan) menunjukkan kupang yang diperolehi daripada penternak kupang yang akan dijadikan salah satu produk pelancongan baharu di Port Dickson.



RENDANG kupang juga enak rasanya.

"Saya mempunyai dua lot lokasi penternakan kupang iaitu di Sungai Sekawang dan Teluk Sinting iaitu sebanyak 3,000 batang tiang penternakan kupang dengan keluasan 100x100 (petak). Di Sungai Sekawang lebih sesuai kerana kawasan tersebut mempunyai lumpur yang agak dalam.

"Pelbagai teknik yang digunakan untuk menternak kupang ini namun di Sungai Sekawang ini, ada juga penternak yang menggunakan batang paip polivinil klorida (PVC).

"Bagaimanapun, lebih ramai penternak menggunakan kayu kerana kayu jika direndam di dalam laut akan menjadi masam dan memudahkan proses membiak kupang," katanya lagi.

Mohd. Hairel menjelaskan,

penggunaan tiang kayu pula jangka hayatnya hanya bertapan dua tahun.

Jaring tangsi pula akan mengambil masa selama setahun untuk membiak manakala jaring benang mengambil masa sembilan hingga 10 bulan untuk dituai.

Katanya, cabaran menternak kupang adalah kecurian kupang yang sering berlaku pada waktu malam dan pencemaran air juga menyebabkan kupang rosak dan tidak boleh hidup dengan baik.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) mengakui temakan kupang dan tiram akan menjadi produk baharu pelancongan yang diteroka untuk diketengahkan menjelang Tahun Melawat Port

Dickson tahun hadapan.

Yang Dipertua MPPD, Zamri Mohd. Esa berkata, penternakan kupang dan tiram di daerah ini mempunyai keunikannya tersendiri dan ia mempunyai potensi sebagai produk pelancongan kepada pengunjung di daerah ini.

"Selain pantai peranginan, hotel dan aktiviti di pantai, kami mahu membawa pelancong ke lokasi penternakan kupang dan tiram.

"Kami berhasrat menyediakan satu pakej bagi pelancong melihat sendiri penternakan kupang dan tiram," katanya.

DI TERNAK SECARA SEMULA JADI

Menceritakan lebih lanjut mengenai penternakan kupang di daerah ini, Mohd. Hairel berkata, ia merupakan kupang semula jadi tanpa menggunakan sebarang benih.

"Perbezaan kupang di daerah ini dengan negeri lain adalah kami di sini tidak menggunakan sebarang benih untuk menternak kupang.

Apa yang dilihat di kawasan ini kami hanya menghasilkan kupang secara semula jadi.

"Selain itu, kupang yang kami temak juga lebih besar iaitu 10 sentimeter (empat inci) berbanding kupang lain. Mereka (penternak kupang di negeri lain) mungkin menggunakan kelong namun di sini ia secara semula jadi," katanya.

Menurutnya, dia hanya menggunakan kos RM600 untuk membeli paip PVC, kayu, mencari tayar dan jaring lama untuk memulakan penternakan kupang.

"Satu batang boleh mendapat hasil 10 kilogram (kg) kupang, jika 1kg kupang boleh dijual pada harga RM10, saya mampu meraih jualan sehingga RM10,000 sebulan.

"Kami, saya mula menjual kepada pemborong dan pemilik restoran di sekitar Port Dickson," katanya yang memberitahu terdapat 80 penternak kupang di sekitar Pasir Panjang.

Sementara itu, Mohd. Hairel turut berharap pihak berwajib dapat membantu penternak kupang daripada segi pemberian tiang kupang.

"Kami juga ada menerima paip PVC untuk digunakan sebagai tiang kupang daripada pihak kerajaan negeri baru-baru ini.

"Kami berharap penternakan ini mendapat perhatian kerajaan negeri dan melihat kupang sebagai satu tarikan baharu bagi pelancong dalam dan luar negara kelak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.06.2021	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1



Harian

Metro

RIASAI
BERITA
SEGENAP

BANTU SINKET BAWA MASUK PATI

Nelayan Tali Baru

Segelintir nelayan di Pulau Langkawi dikesan menjaji tali baru simolket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) di pulau peranginan Terkemuka itu. Malah, risikan juga mendapati mereka terbabit dalam penyeludupan dadah dan lain lain jenayah. Pihak berkuasa memaklumkan sudah mengenali pasai individu terbabit dan akan memberkas mereka pada bila bila masa. *lapor: Raja Nuraina Raja Rahim*

ANTARA warga asing yang diaban dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Pasukan Marinis bagi membanteras kemiskinan warga asing di sempadan Pulau Langkawi.

TALI BARUT SELUDUP PATI

Ada nelayan dipercayai bersekongkol
bawa masuk pendatang asing ke negara ini

Oleh Raja Noraina Raja
Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Langkawi

Penduduk tempatan terutama nelayan dipercayai menjadi tali barut kepada sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (Pati) di pulau perikanan terkemuka itu.

Perbuatan itu dikesan hasil maklumat dan risikan dilakukan pihak berkuasa susulan beberapa cubaan membawa masuk Pati ke pulau berkenaan sebelum ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, hasil siasatan dilakukan mendapati mereka bekerjasama dengan sindiket penyeludupan Pati selain turut dikesan terbabit dalam penyeludupan dadah dan jenayah lain.

"Nelayan memberi bantuan termasuk penggunaan bot mereka untuk membawa masuk Pati dari tengah laut.

"Kita sebenarnya sudah kenal pasti individu terbabit dan

akan tangkap mereka," katanya dalam sidang media di Pejabat Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.

Beliau sebelum itu menyertai pemantauan dan pemeriksaan Op Cantas yang dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selain meluangkan masa bertemu dengan wakil nelayan tempatan.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande.

Hadir sama Ketua Pengarah JIM Datuk Khalid Dzaimie Daud; Ketua Pengarah APMM, Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mat Som; Timbalan Pengarah KDNKA (Pasukan Gerakan Khas) Bukit Aman, Datuk Mastor Ariff dan Ketua Polis Kedah, Datuk Kamarul Zaman Mamat serta timbalannya, Datuk Mohd Roze Shaari.

Mengulas lanjut, Hamzah berkata, perjumpaan bersama wakil nelayan adalah

bertujuan memberi penerangan dan nasihat supaya tidak terjerumus dalam jenayah yang boleh memusnahkan diri mereka serta negara.

"Mereka perlu menyedari hakikat bahawa ada dalam kalangan mereka yang melakukan jenayah. Dr Ronald juga menasihatkan mereka supaya berhati-hati jika ditangkap, pendapatan mereka tidak boleh membayar hukuman yang akan dikenakan," katanya.

Selain itu, katanya, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu menyedaikan pelekat yang tertera maklumat mengenai APMM di seluruh negara.

"Pelekat ini ditampal pada bot nelayan untuk mereka mengetahui semua nombor telefon APMM, kalau mereka di tengah laut ada masalah atau kecemasan boleh telefon APMM.

"Kita juga minta nelayan tempatan menjadi 'mata dan telinga' kepada kerajaan dengan melaporkan sebarang aktiviti jenayah di kawasan perairan bagi mengawal aktiviti berkenaan berleluasa," katanya.



Segelintir
nelayan turut terbabit
dalam penyeludupan
dadah

Amaran buat nelayan Langkawi!

Terdapat segelintir nelayan di pulau itu dikesan menjadi tali barut kepada sindiket seludup PATI

Oleh **TUAN BUQHARAH
TUAN MUHAMAD ADNAN**

LANGKAWI

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin memberi amaran terhadap segelintir nelayan di pulau ini yang dikesan menjadi tali barut kepada sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Beliau mendedahkan, perkara itu dikesan hasil daripada risikan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) dan Agensi Pengkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

"Berhati-hati... Kalau ditangkap, segala apa yang ada tidak mampu untuk membayar hukuman," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan pemantauan dan pemeriksaan Ops Cantas di sini pada Selasa.



Hamzah ketika melakukan pemantauan dan pemeriksaan Ops Cantas di Langkawi pada Selasa.

Maritim, Danuk Zubil Mat Som dan Ketua Polis Kedah, Datuk Kamarul Zaman Mamat.

Hamzah turut menegaskan, pembabit penduduk setempat juga menjadikan aktiviti perdagangan manusia berteluasa di pulau peranginan tersebut.

"Kita telah mengenal pasti tali barut dan akan membuat tangkapan dalam masa terdekat," kata beliau.

Hamzah berkata, KDN turut mengesan ada antara penduduk setempat yang turut terbabit dengan aktiviti penyeludupan dan menggunakan bot-bot nela-

dalam Ops Cantas yang bermula awal pagi Selasa.

"Mereka terdiri daripada 23 lelaki dan lima wanita yang merupakan warga Myanmar, Bangladesh, Indonesia dan juga Thailand," katanya.

Jelas beliau, tangkapan itu dibuat berikutan kesemua itu reka tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

"Kita ada juga mendekati etnik Rohingya yang mempunyai kad Suruhani Jaya Tinggi Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

"Ini membolehkan kita me-

3,138 PATI sudah serah diri kepada pihak berkuasa

LANGKAWI - Seramai 3,138 pendatang asing tanpa izin (PATI) telah menyerah diri kepada agensi penguatkuasaan di seluruh negara sepanjang tempoh enam bulan ini.

Menyentuh Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, ia menunjukkan operasi yang diuar-uarkan Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) telah memberi tekanan terhadap PATI.

"Jumlah itu merangkumi tempoh 1 Januari sehingga 18 Jun lalu," katanya pada sidang akhbar di sini pada Selasa.

Beliau berkata, kebanyakan PATI yang menyerah diri memohon bantuan pihak berkuasa untuk mendapatkan dokumen yang sah bagi membolehkan mereka bekerja di sini.

"Ada juga yang datang

untuk meminta kita membawa pulang ke negara asal," katanya.

Sementara itu, Hamzah berkata, Imigresen telah menjalankan 1,843 operasi dalam tempoh sama dengan menahan sebanyak 4,877 PATI serta 88 majikan.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan PATI yang ditahan ialah seramai 8,015 orang," katanya.

Sebelum ini, seramai 145,830 PATI telah mendaftarkan di bawah Program Rekabitirasi Tenaga Kerja dan Program Rekabitirasi Pulang sejak ia dilaksanakan pada Novembar tahun lepas.

Daripada jumlah itu, seramai 72,324 orang telah mendaftarkan untuk pulang, manakala 73,506 lagi mendaftarkan untuk Program Rekabitirasi Tenaga Kerja.

yang tertera nombor telefon agensi penguat kuasa kepada nelayan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Penarak.

Sindiket tukar taktik guna bot kecil bawa masuk pelarian

Tunggu masa seludup Rohingya

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
dan NUR AMALINA AZMAN

LANGKAWI – Sindiket penyeludupan etnik Rohingya dipercayai sedang menunggu masa yang sesuai untuk menyeludup pelarian tersebut dalam bilangan kecil menggunakan bot dari Indonesia ke negara ini dalam masa terdekat.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, risikan mendapati sindiket itu akan cuba menyeludup antara dua hingga tiga pelarian etnik tersebut menggunakan bot kecil.

"Kita tahu sindiket ini cuba bawa mereka (pelarian Rohingya) ke negara ini. Kita juga tahu mereka kini berada di Indonesia.

"Walaupun bagaimanapun pihak berkuasa di perairan negara



HAMZAH

Teriang dan Pengkalan Nelayan Kuala Teriang bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiangdee di sini semalam.

Kata beliau, pihak berkuasa akan terus memperketatkan kawalan sempadan negara termasuk memeriksa bot-bot kecil.

"Sebelum ini, Rohingya masuk ke negara ini menggunakan bot besar. Kali ini strategi mereka adalah menyeludup dalam bilangan yang sangat kecil," ujarnya.

Menurutnya, dianggarkan 100,000 pelarian etnik itu telah dihalau keluar dari memasuki perairan ini setakat ini.

Hamzah berkata, pihaknya turut menerima maklumat tentang penglibatan nelayan tempatan dengan sindiket penyeludupan barang terlarang seperti dadah serta PATTI.

"Kita dapat maklumat mereka bekerjasama dengan sindiket dengan membawa masuk PATTI menggunakan bot nelayan di tengah laut," katanya.

Tambahnya, tindakan tegas akan diambil kepada sesiapa sahaja termasuk nelayan yang menjadi tali barut.

PENYELUDUP menukar taktik dengan menggunakan bot kecil bagi membawa masuk pelarian Rohingya ke Malaysia. - GAMBAR HIASAN

termasuk Maritim Malaysia, tanpa izin (PATTI)," katanya.

Pasukan Polis Marin selain Nasional Task Force juga bersedia dan pemeriksaan di beberapa lokasi termasuk Balai Polis Kuala



BUBU naga yang digunakan nelayan.



APMM tahan nelayan guna bubu naga

Perit, Buntar: Padah menggunakan alat menangkap ikan yang dilarang, empat nelayan termasuk dua warga Indonesia gagal melarikan diri dan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kurau, Abad Jalu.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Kurau Koman-der Maritim Mohd Share-

niliza Ghazali berkata, me-reka itu ditahan ketika ron-daan rutin pihaknya.

Menurutnya, pasukannya terserempak dengan sebuah bot dalam keadaan mencu-rigakan di kedudukan 1.8 ba-tu nautika barat laut muara Kuala Kurau.

Katanya, ketika dihampiri terdapat empat nelayan be-rusia 14 hingga 50 tahun di

atas bot terbabit bersama sejumlah peralatan me-nangkap ikan yang dilarang penggunaannya.

"Pemeriksaan mendapati terdapat 20 bubu naga yang dipercayai digunakan kum-pulan nelayan itu.

"Siasatan lanjut juga mendapati dua nelayan In-donesia di atas bot itu menggunakan permit kerja

yang sudah tamat tempoh. "Susulan itu kesemua me-reka ditahan bersama ba-rangan rampasan dan di-bawa ke jeti Zon Maritim Kuala Kurau untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11 (3) (b) Akta Perikanan 1985 dan Ak-ta Imigresen 1959/63.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.06.2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

PENTERNAK CADANG IBADAH KORBAN DI LADANG



SEREMBAN: Penternak di negeri ini memohon supaya kebenaran diberikan kepada mereka untuk melaksanakan penyembelihan ibadah korban di ladang ternakan masing-masing.

Pemilik Medina Farm di Mambau dekat sini, Mohd. Faidzul Mohamad Noh, 39, berkata, penternak lembu sanggup melakukan korban di ladang dengan prosedur operasi standard (SOP) asalkan ternakan mereka yang sudah lama berada di kandang dapat dijual.

Beliau yang mewakili penternak lain berharap cadangannya itu dapat dipertimbangkan mengambil kira situasi semasa jumlah kes positif Covid-19 yang tinggi.

“Dalam situasi ketika ini memang kita tidak boleh melaksanakan ibadah korban di masjid-masjid dan surau, memang berisiko kerana susah untuk kawal SOP dan kehadiran orang ramai.

“Jadi saya mencadangkan penyembelihan ternakan dilakukan di ladang-ladang penternak dengan hanya dijalankan oleh penternak dan beberapa orang pekerja. Individu atau pihak masjid dan surau yang menjalankan ibadah korban boleh mengambil daging atau karkas di ladang dan kemudian boleh diagihkan kepada penerima masing-masing,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Kata Mohd. Faidzul, pihaknya mampu untuk menguruskan penyembelihan kira-kira 30 ekor lembu dalam masa empat hari dengan minimum tiga orang individu menguruskan penyembelihan bagi setiap seekor lembu.

Sementara itu kata beliau, sekiranya pelaksanaan ibadah korban pada tahun ini hanya dibenarkan untuk dilaksanakan di rumah sembelihan berdaftar ia sukar dilaksanakan di negeri ini kerana hanya terdapat sebuah rumah sembelihan sahaja di sini iaitu terletak di Senawang.

“Jika semua penternak bertumpu kepada sebuah rumah sembelihan, masing-masing perlu mengikut giliran, ia akan mengambil masa lama untuk proses penyembelihan.

“Jadi saya berharap pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar dapat mengeluarkan lesen sementara kepada penternak untuk melakukan proses penyembelihan ibadah korban di ladang masing-masing,” katanya.

Tambah beliau, sejak dua tiga hari lalu, pihaknya mula menerima pertanyaan oleh wakil-wakil masjid dan orang perseorangan yang mahu membuat tempahan lembu bagi ibadah korban bulan hadapan.

Dalam pada itu, beliau berharap Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) boleh mengeluarkan SOP ibadah korban di negeri ini secepat mungkin.